

10/04/2000

Ku Li hampir layak bertanding

KUALA LUMPUR, Ahad - Tengku Razaleigh Hamzah secara teknikal layak bertanding jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan parti 11 Mei ini selepas 164 daripada 165 bahagian selesai mengadakan mesyuarat mereka hari ini.

Bahagian terakhir, Bandar Tun Razak di sini, yang mesyuaratnya ditunda dua minggu lalu, akan mengadakan mesyuarat mereka, Jumaat ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu memperolehi dua lagi pencalonan hari ini iaitu dari bahagian Temerloh dan Jerantut di Pahang, menjadikan jumlahnya 16 - kurang satu bagi melepasi syarat pencalonan 10 peratus atau 17 bahagian.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh boleh mendapat baki satu pencalonan penting itu daripada bahagian Gua Musang yang diketuainya apabila jawatankuasa Umno bahagian itu menentukan pencalonannya nanti.

Mesyuarat bahagian Gua Musang pada 31 Mac lalu tidak mencalonkan sesiapa bagi semua jawatan tertinggi parti. Sebaliknya, 263 anggota perwakilannya sebulat suara menyerahkan kepada jawatankuasa Umno bahagian itu untuk menentukan pencalonan itu.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Gua Musang, Mohd Saufi Deraman ketika dihubungi petang ini berkata, tarikh mesyuarat jawatankuasa bahagian bagi menentukan pencalonan itu belum ditetapkan.

Ditanya sama ada bahagian itu akan mencalonkan Tengku Razaleigh untuk bertanding naib presiden, Mohd Sufi berkata: "Kita akan bincang mengenainya tetapi jika Ku Li memberi "lampu hijau", kita akan mencalonkannya."

Oleh itu, keputusan mesyuarat Umno bahagian Bandar Tun Razak Jumaat ini dijangka tidak menjejaskan peluang Tengku Razaleigh untuk bertanding jawatan naib presiden.

Bahagian Bandar Tun Razak, menjadi bahagian terakhir mengadakan mesyuarat, setelah ditunda dua minggu lalu berikutan kekeliruan berhubung kedudukan enam cawangan yang dibatal pendaftarannya.

Sementara itu, semua enam bahagian di Pahang yang mengadakan mesyuarat mereka hari ini - Raub, Pekan, Bentong, Mentakab, Temerloh dan Jerantut terus mengikut aliran serta nasihat Majlis Tertinggi (MT) apabila mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mempertahankan jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi mengisi kekosongan jawatan Timbalan Presiden.

Dengan itu, Dr Mahathir mengumpul 162 pencalonan, manakala Abdullah, 161. Perdana menteri dan timbalannya itu akan disahkan ke jawatan masing-masing secara rasmi pada Perhimpunan Agung Umno 11 Mei ini selepas menang tanpa tanding.

Andainya Tengku Razaleigh mengambil keputusan untuk merebut jawatan naib presiden yang pernah disandang pada 1978, maka saingan untuk jawatan ketiga terpenting dalam parti dijangka menjadi semakin sengit.

Dua penyandang Naib Presiden iaitu Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak (150 pencalonan) dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib atau Mat Taib (32 pencalonan), dicabar oleh tujuh calon lain.

Mereka ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman (79 pencalonan); Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar (57); Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad (27); Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam (34).

Tiga lagi Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (37), Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin (30) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim (21).